Headline	Dalam proses lantik kontraktor		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka and Negeri Sembilan)		
Date	14 Aug 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	News	Page No	46
ArticleSize	421 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,847		

Dalam proses lantik kontraktor

Kerajaan BN melalui KKLW peruntuk RM1.6 juta laksana Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar

Manickam (empat, kiri) menerangkan sesuatu kepada individu terlibat semasa lawatan berkenaan.

Manickam (tujuh, kiri) bersama individu berkenaan semasa lawatan di perkampungan Orang Asli Jeram Padang, Bahau.

BAHAU - Hampir RM1.6 juta diperuntukkan kerajaan BN melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW) untuk melaksanakan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar di Kampung Orang Asli Jeram Padang, Bahau.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Sumber Manusia, Perladangan dan Kampung Baru negeri, Datuk L Manickam berkata, projek menyiapkan segala kemudahan infrastruktur termasuk pemasangan tiang dan kabel itu bakal dimulakan tidak lama lagi.

"Urusan berkaitan teknikal sudah diselesaikan KKLW dan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Jika tiada masalah, semua kerja berkaitan projek itu akan dimulakan pada awal Januari tahun depan.

"Peringkat awal ini, ia dalam proses untuk melantik kontraktor berkelayakan yang akan ditentukan TNB.

"Projek ini sememangnya telah lama ditunggu penduduk selepas dipercayai hampir tiga dekad menunggu perkara ini berakhir," katanya.

INFO

- **Projek itu akan dimulakan pada awal Januari tahun depan.**

Manickam yang juga Adun Jeram Padang berkata, bekalan air bersih juga bakal dinikmati penduduk, yang mana dijangka dapat diselesaikan menjelang akhir 2018.

"Kelewatan dua kemudahan itu disebabkan beberapa masalah teknikal yang perlu diselesaikan terlebih dahulu oleh kerajaan," katanya.

Sebanyak 21 rumah dan 145 Orang Asli akan menerima manfaat melalui projek tersebut, namun *Sinar Harian* difahamkan, selain perkampungan itu, projek sama akan turut membabitkan 16 rumah di Kampung Orang Asli Sungai Lui.

Terdahulu, Manickam bersama wakil daripada KKLW, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA), TNB melawat ke Kampung Orang Asli Jeram Padang, Bahau.

Tambah Manickam, beliau berharap penduduk terlibat dapat bersabar susulan kerajaan memandang serius kebajikan dan kemudahan berkenaan untuk keselesaan penduduk.

"Kita sentiasa peka terhadap permasalahan penduduk, bahkan ambil kira soal keselesaan mereka, namun memerlukan kerjasama mereka agar segala yang diusahakan sekian lama berjalan lancar, " katanya.

Powered by: iSENTIA